

CNS1801

R GB 16-05 00147 BA307

aab

Mahathir - Tentera

OIC TIDAK PERLU TUNGGU PERANCIS UNTUK HANTAR TENTERA KE BOSNIA

ALOR SETAR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) tidak perlu menunggu Perancis menarik balik tenteranya untuk menghantar tentera mereka ke Bosnia.

Katanya, negara-negara anggota pertubuhan itu perlu membantu menyelesaikan konflik yang berlaku di Bosnia setakat yang termampu oleh mereka.

"Kenyataan OIC itu sangat baik, tetapi tak payah tunggu sampai Perancis menarik balik tenteranya," katanya kepada pemberita setibanya di lapangan terbang Sultan Abdul Halim di sini hari ini.

Perdana Menteri tiba di sini untuk menghadiri majlis pelancaran hari guru peringkat kebangsaan di Wisma Darul Aman di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata, sebagai contoh Malaysia tidak menunggu mana-mana pihak menarik dahulu tentera mereka sebelum ia menghantar tenteranya ke Bosnia. -- Lagi.

♥16/05/21-00MST

CNS1805

R GB 16-05 00177 BA308

aab

Mahathir - Tentera 2 (Akhir) Alor Setar

"Kita tidak tunggu. Bila tunggu, nanti banyak orang akan mati," katanya.

Semasa ditanya laporan akhbar hari ini mengenai usaha damai yang dilancarkan semula di Geneva oleh tujuh menteri luar dari Amerika Syarikat, Rusia dan Kesatuan Eropah (EU), Dr Mahathir berkata, sekiranya gencatan senjata boleh dilakukan ia tidak seharusnya sehingga menyebabkan Bosnia kehilangan wilayahnya kerana diserahkan kepada orang lain.

Katanya, perkara seumpama itu pernah berlaku ke atas Palestin yang tanah mereka diambil dan diberi kepada Israel.

"Kini mereka hendak ambil tanah orang Bosnia dan hendak memberikannya kepada Serb, sebab mereka kuat, ini lebih lagi tidak patut," kata beliau.

Menurut laporan itu ketujuh-tujuh menteri luar negara terbabit telah meluluskan strategi bersama buat pertama kali dengan menguatkuasakan pelan yang mengizinkan penguasaan Serb memiliki 51 peratus daripada wilayah rampasan mereka di Bosnia sementara yang selebihnya dikongsi oleh puak Croat Bosnia dan kerajaan Bosnia.

Strategi bersama itu mahu puak terbabit memulakan rundingan dalam tempoh dua minggu. -- Bernama

IQ NMO

♥16/05/21-03MST